

Memori Warisan Sejarah Reka Bentuk Bandar Tanjong Malim

The Redesigning of the Historic Town of Tanjung Malim

Intan Khasumarlina Mohd Khalid

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Harozila Ramli

Universiti Pendidikan Sultan Idris

harozila@fskik.upsi.edu.my

Abu Bakar Sabran

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Corak pembangunan moden di bandar-bandar baru pada masa ini adalah faktor utama kepada kepupusan seni dan warisan. Meskipun pembangunan sesebuah bangunan moden baru dikatakan sebagai simbol kemajuan bandar, tetapi ia tidak mencerminkan budaya tempatan dan warisan malahan adakalanya pembangunan bandar tidak sesuai dengan keadaan alam semula jadi dan budaya masyarakat setempat. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri fizikal bandar lama dengan wajah yang unik dan tersendiri untuk mewujudkan hubungan yang lebih harmoni dan seimbang antara lama dan moden. Berdasarkan pemerhatian, bandar bersejarah di daerah Tanjung Malim, Perak khususnya di kawasan yang menjadi tarikan tradisi iaitu pekan Tanjung Malim, terus diancam oleh pembangunan baru dan reka bentuk bangunan yang bercampur-campur. Oleh itu, imej daerah ini menjadi lemah dan akhirnya pupus akibat pembangunan. Kajian yang dilakukan berdasarkan kajian kes ini dapat mengumpulkan data berupa imej dan kesesuaian ciri-ciri reka bentuk bandar Tanjung Malim khususnya fasad bangunan dan landskap persekitarannya. Hasil dapatkan diperolehi menerusi pemerhatian secara langsung dan soal selidik semasa proses analisis tapak di kawasan kajian. Hasil daripada kajian ini boleh membantu pereka reka bentuk landskap membuat keputusan untuk merancang ciri reka bentuk akan datang dengan mengekalkan imej tradisional sebuah bandar bersejarah.

Kata kunci memori, warisan sejarah, bandar Tanjung Malim

Abstract

The pattern of modern development in the new towns is a key factor to the extinction of their cultural heritage. Although the development of a new modern building is said to be a symbol of urban progress, it does not reflect the local culture and heritage. Sometimes even urban development does not comply with the conditions of nature and local culture. This study is conducted to identify the physical characteristics of an old town to see if it is possible to create a more harmonious relationship and balance between the old and the modern. Tanjung Malim is a historic town in the state of Perak. Tanjung Malim continues to be threatened by new developments. Thus, the traditional image of Tanjung Malim may eventually vanish. This case study collects data such as images, and suggests suitable characteristics for the facades of the buildings and their surrounding landscape. The research is conducted through direct observation, questionnaires and site analysis. The results can help landscape designers and city planners to plan features that maintain the traditional image of a historic town.

Keywords memory, historical heritage, Tanjung Malim town

PENGENALAN

Fenomena integrasi ekonomi global telah membawa kemajuan yang ketara menyebabkan perubahan dalam struktur perbandaran. Kesan langsung yang diterima oleh perbandaran terutamanya dalam industri pembuatan tradisional yang bertumpu di pusat bandar telah mula merosot. Industri tradisional seperti peruncitan dan pembuatan mula digantikan dengan sektor-sektor baru seperti kewangan, perdagangan, teknologi maklumat dan budaya moden. Sektor-sektor ini telah merubah fungsi utama sebuah bandar, terutamanya bandar besar. Bersama-sama dengan transformasi teknologi pembuatan, perubahan dalam sistem pengangkutan, gaya hidup dan gaya kerja juga telah mengakibatkan infrastruktur dan bangunan-bangunan lama di bandar mula ketinggalan dari segi fungsi dan keperluan, sehinggalah ada di antaranya dibiarkan usang.

Malaysia, sebagai sebuah negara membangun kaya dengan seni bina bersejarahnya. Seni bina bangunan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Masjid Jamek di Kuala Lumpur, Bangunan Stadhuis di Melaka dan pelbagai bangunan yang lain menunjukkan bahawa Malaysia kaya dengan bangunan-bangunan yang tidak ternilai. Peninggalan ini dikelaskan sebagai bangunan warisan yang dapat meninggalkan memori bermilai kepada negara.

Warisan adalah istilah yang digunakan untuk sebuah negara yang mempunyai tradisi dan dipelihara dari segi nilai estetika senibina, atau elemen buatan manusia yang lain. Negara kita mempunyai jejak warisan seni bina dan alam sekitar seperti bandar Georgetown, Penang, Kota Bharu, Kelantan, bandar Taiping, Perak dan bandar Melaka. Bangunan-bangunan tersebut menjadi satu daya tarikan pelancong dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

Menurut A. Ghafar Ahmad (1994) bangunan warisan perlu dikekalkan kerana ia mempunyai emosi, budaya dan nilai yang sangat tinggi. Kebanyakannya adalah daripada rumah kedai lama yang sering diancam oleh kemajuan pembangunan,

dan ianya termasuk penukaran imej dan penggunaan bahan bangunan yang banyak dimusnahkan ke atas bangunan bersejarah. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, maka warisan senibina akan hilang. Sejarah, budaya dan seni bina adalah kepentingan warisan yang perlu dikenalkan dalam pembangunan perbandaran tempatan.

Memori adalah keupayaan untuk menyimpan, mengekalkan dan menarik balik maklumat dan pengalaman. Memori terbina berdasarkan keinginan dan pengaruh dari dalam dan luar. Memori sering disertai dengan perasaan dan emosi. Tidak semua peristiwa yang dialami disimpan dalam ingatan akan diambil dan digunakan semula. Oleh itu, ingatan adalah terpilih dan inilah yang menjadi memori kepada manusia. Memori dalam kajian ini adalah peringatan bangunan bangunan lama yang menjadi warisan tradisi masyarakat tempatan yang mampu untuk mengekalkan tradisi serta imej bandar moden. Justeru itu, untuk mengekalkan memori sejarah sesuatu tempat, adalah penting jika warisan bangunan dapat dikenalkan untuk dinikmati oleh generasi muda masa kini dan masa hadapan.

Definisi Memori

Memori menurut Walgito (2004) adalah proses manusia mengingat kembali. Kemampuan mengingat pada manusia, menunjukkan bahawa manusia mampu menerima, menyimpan dan menimbulkan kembali pengalaman-pengalaman yang dialaminya.

De Proter & Hernacki (2001) menjelaskan bahawa memori atau ingatan adalah kemampuan untuk mengingat apa yang telah diketahui. Seseorang dapat mengingat sesuatu pengalaman yang telah terjadi atau pengetahuan yang telah dipelajari pada masa lalu. Kegiatan seseorang untuk memunculkan kembali atau mengingat kembali pengetahuan yang dipelajarinya pada masa lalu dalam ilmu psikologi disebut *recall memory*.

Definisi Reka Bentuk Bandar

Menurut Madanipour (1996), reka bentuk bandar merupakan bahagian dalaman daripada proses perancangan bandar dan merangkumi aspek-aspek tiga dimensi bandar. Reka bentuk bandar juga merupakan sebuah pengurusan ruang sosial yang menggunakan bahasa visual dan verbal. Ini bermakna komunikasi dan keterlibatan dalam berbagai skala fenomena ruang sosial bandar. Ianya merupakan aktiviti multi disiplin seperti pembentukan dan pengaturan persekitaran bandar, memberi fokus kepada proses pembentukan ruang, dan ruang yang sedang terbentuk.

Ciri-Ciri dan Karektor Reka Bentuk

Ciri-ciri dari segi bahasa mempunyai sama erti dengan karektor ataupun sifat (Oxford University Press, 1981). Manley dan Guise (1998), menyatakan bahawa ciri-ciri atau karektor merupakan suatu pengalaman kepada pelbagai penderiaan bau, bunyi dan penglihatan. Ciri-ciri terbentuk dari proses atau adunan perbandaran dalam jangka masa yang panjang. Justeru, ciri-ciri atau karektor adalah kualiti yang wujud dari gabungan topografi dan alam binaan, geologi dan bahan binaan tradisional, corak laluan

serta sempadan-sempadan yang menunjukkan pemilikan di masa lalu. Setiap bandar mempunyai karektor yang tersendiri (Norberg Schulz, 1980). Ia merupakan hasil daripada elemen di dalam bandar mempunyai pelbagai sifat dan kualitinya tersendiri sama ada daripada sudut negatif maupun positif (Shuhana, 1997). Bagaimanapun, elemen-elemen yang ketara dapat menyumbangkan kepada karektor bagi sesebuah bandar. Ini bersesuaian dengan kenyataan Nasar (1989) bahawa manusia hanya mampu menilai elemen-elemen yang menonjol dan mudah diingati ciri-ciri yang membangkitkan reaksi dari orang ramai, dan mampu menyumbangkan kepada identiti sesuatu tempat.

Garnham (1985) menyatakan terdapat tiga komponen karektor, iaitu; kualiti fizikal, fungsi dan aktiviti yang dapat dilihat, dan makna ataupun simbol. Menurut beliau lagi, setiap bandar tertentu mempunyai keistimewaan atau keunikan karektornya yang tersendiri. Ciri-ciri ini lazimnya berbeza dari satu tempat dengan tempat-tempat yang lain. Namun, beliau telah menggariskan beberapa asas utama kepada pembentukan karektor iaitu:

- a) Keistimewaan seni bina
- b) Iklim yang melibatkan kualiti dan kuantiti cahaya, jumlah hujan dan perbezaan suhu
- c) Perletakan secara semulajadi
- d) Tempat yang berkait dengan memori
- e) Perletakan bangunan
- f) Kepelbagaian budaya dan sejarah
- g) Aktiviti bandar secara bermusim seperti perayaan, pesta dan sebagainya
- h) Lain-lain seperti penggunaan bahan binaan tempatan, buatan tangan yang istimewa, dan persekitaran yang selesa kepada orang awam.
- i) Kualiti persekitaran yang baik di mana mempunyai kejelasan dan kebolehsampaian yang tinggi.

Ini jelas menunjukkan kepentingan ciri-ciri dalam pembangunan sesebuah bandar untuk menjadi satu faktor yang dapat menaikkan dan mengekalkan nilai estetika dalam pembangunan bandar baru.

Memori Warisan Sejarah dalam Perkembangan Pembangunan Bandar Lama

Istilah memori di sini adalah satu perkataan yang menyimpulkan nilai estetika elemen tradisi dalam reka bentuk pekan lama untuk dijadikan sebagai satu monumen yang perlu dipelihara dalam usaha pemuliharaan sesebuah pembangunan bandar. Kerja-kerja pemuliharaan termasuk mengawal, memulihara, menyelidik dan melindungi monumen-monumen lama dan tapak sejarah adalah penting dan menjadi sumber kajian maklumat mengenai sejarah dan budaya. Ini dapat dilihat daripada nilai seni bina sesuatu bangunan serta lokasi bangunannya yang boleh dijadikan sumber kajian budaya dan warisan. Dari aspek arkeologi, tembok kota serta bangunan kolonial adalah sumber penting kepada pengaji-pengkaji sejarah (Norhelmi Mohd Nor, 2004).

Menurut Powell (1994), bangunan-bangunan lama merupakan suatu warisan yang mempunyai nilai tersirat dan tersurat. Ia boleh dilihat dan disentuh dengan pancaindera secara realiti, seterusnya dapat dihayati dengan penuh bermakna sama ada daripada sekecil artifak sehingga kepada bangunan dan tapak-tapak bersejarah di dalam bandar. Kesemua ini mempunyai nilai yang saling berkait dengan budaya hidup penghuni atau secara tidak langsung ia membentuk alam persekitaran bandar yang bermakna daripada segi fungsi fizikal dan kepentingan kebudayaan masyarakat. Terdapat beberapa sebab mengapa bangunan warisan perlu dipelihara, antaranya ialah; sejarah nilai dan warisan, nilai seni bina, sektor pelancongan, pendidikan dan pembentukan minda.

Sejarah dan Nilai Warisan

Menurut Powell (1994) pengekalan bangunan dan kawasan bersejarah akan dapat dijadikan sebagai bahan-bahan bukti sejarah. Semua bahan-bahan sejarah seperti monumen, bangunan dan kawasan merupakan satu warisan yang amat berharga yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi kini dan akan datang. Peninggalan sejarah dari zaman Kesultanan Melayu seperti istana, rumah pembesar dan masjid mahupun peninggalan dari penjajahan barat seperti kota, menara jam dan bangunan-bangunan institusi dapat mengimbas kembali era dan detik-detik sejarah yang dialami negara.

Manakala A. Gafar Ahmad (2010) pula berpendapat bahawa bangunan lama dapat berfungsi sebagai bukti kepada sesuatu era atau peristiwa bersejarah. Pada zaman penjajahan Portugis, Belanda dan British di Malaysia, terdapat banyak bangunan dan monumen telah dibina di sekitar bandar-bandar utama bagi tujuan kediaman, pentadbiran, pertahanan, pengangkutan dan perniagaan. Di George Town, Pulau Pinang contohnya terdapat pelbagai bangunan *colonial* dan monumen seperti Kota Cornwallis (1808), Masjid Kapitan Keling (1801), Gereja St. George (1817), Muzium Negeri (1821) dan Menara Jam Victoria (1897) yang membuktikan berlakunya penjajahan awal pemerintahan British di Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-18. Begitu juga dengan beberapa bangunan masjid dan istana lama Melayu yang terdapat di bandar Kota Bharu yang melambangkan pemerintahan Sultan Kelantan dan juga Kota Bharu sebagai pusat penyebaran agama Islam di rantau tersebut.

Nilai Seni Bina

Merujuk A.Gafar Ahmad (2010) bangunan-bangunan lama termasuk rumah-rumah tradisional Melayu yang diperbuat daripada kayu mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang tersendiri. Sesetengah daripada bangunan ini masih tegap dan kukuh untuk didiami walaupun berusia lebih daripada 70 tahun. Rumah-rumah tradisional Melayu yang terdapat di beberapa kawasan di Melaka, Perak, Kelantan, Terengganu dan Selangor mempunyai nilai seni ukir yang tinggi dan berkualiti. Segala usaha dan kemahiran tukang-tukang rumah dan pengukir kayu tidak akan sia-sia sekiranya generasi muda mengambil inisiatif untuk belajar daripada mereka agar kesinambungan warisan negara dikekalkan. Begitu juga dengan bangunan-bangunan kolonial yang mempunyai

pelbagai ciri reka bentuk asing yang telah diubah suai dengan keadaan cuaca tempatan yang panas dan lembap. Reka bentuk dan gaya seni bina ini boleh dilihat tiada ruang dinding, menara, tingkap, pintu, tiang dan ruang dalaman. Malah sesetengah elemen yang terdapat di bangunan kolonial tersebut telah dipinjam dan diubah suai oleh arkitek-arkitek moden Malaysia untuk dijadikan elemen dan reka bentuk di kebanyakan bangunan moden masa kini. Selain itu juga, Powell (1994) berpendapat bangunan-bangunan warisan mempunyai keistimewaan dari segi gaya seni bina. Ini dapat dilihat dalam negara Malaysia sendiri, yang mana bangunan-bangunan warisan yang masih kekal sehingga hari ini termasuk bangunan-bangunan zaman termasuk istana, masjid, rumah-rumah besar dan bangunan-bangunan kerajaan. Bangunan-bangunan ini mempunyai berbagai pengaruh dan gaya seni bina bangsa yang menjajah dan juga pengaruh perkembangan tamadun dan teknologi. Perkembangan dan kemajuan seni bina yang telah berlaku ini adalah satu catatan kemajuan yang telah dikekalkan demi perkembangan bidang ini di masa akan datang.

Sektor Pelancongan

Dari sudut pelancongan pula, pemuliharaan bangunan-bangunan lama bersejarah di dalam bandar pada masa kini boleh dianggap sebagai salah satu industri atau bidang yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara kursusnya dalam sektor pelancongan. Warisan sejarah yang nyata seperti bangunan dan tapak fizikal merupakan salah satu elemen penting dalam pembentukan produk pelancongan sesebuah negara. Ini dapat dilihat dengan trend atau tarikan masa kini yang mana sesebuah negara itu menjadi lebih dikenali melalui mercu tanda atau monumen warisan yang masih kekal. Bangunan-bangunan lama juga boleh diubah suai untuk dijadikan muzium, galeri seni lukisan, restoran, tempat penginapan dan pusat pelancongan. Fenomena ini sudah menjadi perkara biasa bagi negara-negara di Eropah seperti Perancis, Venice dan Pisa di Itali; dan Amsterdam di Belanda telah berjaya memulihara dan melindungi bangunan warisan mereka dengan baik. Usaha ini telah berjaya menarik ramai pelancong dari seluruh dunia untuk berkunjung dan dapat memberi sumbangan ekonomi kepada negara. Selain dari menikmati keindahan alam semula jadi Malaysia, para pelancong boleh melawat ke beberapa bangunan warisan selain daripada artifak-artifak di dalam muzium dan galeri seni lukis. Pemuliharaan bangunan warisan secara tidak langsung dapat menyokong industri pelancongan warisan negara.

Pendidikan

Selain daripada itu, bangunan dan monumen lama juga boleh memainkan peranan yang penting di dalam pendidikan masyarakat Malaysia khususnya para pelajar dan penyelidik. Pelbagai ilmu boleh dipelajari dengan memahami dan mengkaji bangunan warisan. Contohnya, dengan terdapatnya bangunan-bangunan lama dan pancutan air di sekitar Dataran Merdeka; dan Masjid Jamek (1909) di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang di Kuala Lumpur, seseorang dapat mengetahui bukan sahaja kepentingan Kuala Lumpur di era kolonial British tetapi kehidupan dan kebudayaan masyarakat penjajah dan tempatan pada ketika itu. Bangunan Kelab Diraja Selangor

(1890) dan Padang (Dataran Merdeka) telah dibina bagi kemudahan sosial dan rekreasi khasnya kepada rakyat British dan Eropah yang berkhidmat di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19.

Pembentukan Minda

Pemuliharaan bangunan warisan amat penting di dalam pembentukan minda generasi muda negara terutamanya ke arah penghayatan dan khazanah negara. Bangunan warisan merupakan aset negara yang patut dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Dengan terdapatnya bangunan warisan ini, generasi muda akan lebih menghargai dan peka kepada perkembangan sejarah negara. Ini akan membentuk sebuah masyarakat yang sensitif terhadap sebarang perobohan dan pemusnahan terhadap bangunan dan monumen bersejarah. Walaupun kesedaran tentang pemuliharaan bangunan dalam kalangan masyarakat Malaysia masih berada di peringkat sederhana, adalah penting bagi usaha-usaha ini diberikan keutamaan sebelum warisan dan khazanah negara lenyap dibawa arus pembangunan moden. Pelbagai langkah boleh dilakukan untuk menyelamatkan bangunan dan monumen daripada perobohan dan pemusnahan. Dalam usaha melakukan kerja-kerja pemuliharaan memahami prinsip kerja dan rangka kerja pemuliharaan bangunan terlebih dahulu.

Reka Bentuk Lanskap Bandar (*Urban Design*)

Lanskap bandar (*urban design*) didefinisikan sebagai pembangunan landskap di kawasan bandar atau pusat bandar yang melibatkan pembangunan elemen landskap lembut (tumbuh-tumbuhan semulajadi) dan landskap kejur (binaan buatan manusia). Ia dapat memberikan kesan gabungan 'hubungan kesenian' yang tidak hanya elemen seni bina buatan manusia, malahan terdiri daripada bangunan, tumbuh-tumbuhan, alam semulajadi, air, laluan jalan, papan tanda iklan, serta kemudahan yang disediakan. Gabungan kesemua elemen ini dapat memberikan kesan dramatik kepada persekitaran bandar.

Reka bentuk landskap bandar lebih memfokuskan kepada penyusunan elemen, keperluan fizikal dan fungsi. Lanskap bandar secara praktikalnya memberikan gambaran visual rupa, bentuk sesuatu bandar, kawasan metropolitan dan reka bentuk gambaran ruang dan masa. Gabungan reka bentuk lama dan baru pada elemen seni bina landskap bandar dapat menunjukkan reka bentuk merentasi masa. Lazimnya, landskap bandar, melibatkan disiplin perancangan bandar, pembangunan seni bina landskap, dan seni bina bangunan. Ini mampu menghasilkan reka bentuk landskap bandar yang mencerminkan konsep sebenar serta memberikan imej yang teratur untuk sesebuah bandar.

Di Malaysia, pembangunan sesebuah landskap bandar masih baru dipraktikkan. Ini terbukti dengan pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta gabungan elemen *softscape* dan *hardscape*.

Pembangunan bandar adalah fenomena kompleks yang mengubah landskap secara dramatik. Ia mencipta bentuk yang tidak hanya berdasarkan kepada keadaan masyarakat setempat malahan ia dapat mengekspresikan keperluan atas sesuatu lokasi

(Antrop, 2000). Inovasi dalam pembangunan landskap bandar mempunyai beberapa disiplin. Kevin Lynch, dalam bukunya *Image of the City* (1960) menyatakan bahawa pembentukan ciri-ciri dan karektor sesebuah bandar adalah berdasarkan kawasan yang telah dikenalpasti adanya elemen *focal point* dan laluan yang menjadi panduan kepada usaha pembangunan itu. Inilah yang menjadi kunci dalam pembentukan imej sesebuah bandar.

Karektor dan Ciri-Ciri Reka Bentuk Bandar Tanjong Malim

Mencari karektor dan ciri-ciri reka bentuk pekan Tanjong Malim menerusi pemerhatian dan pendapat responden merupakan agenda utama pengkaji. Bertempat di tengah-tengah pekan Tanjong Malim, adalah lokasi utama pengkaji untuk memulakan pemerhatian dan temu bual. Berdasarkan pelan asas pekan Tanjong Malim di tangan, pengkaji mulakan pemerhatian mengikut nama jalan.

Ini memerlukan pendekatan secara semulajadi dengan responden agar jawapan yang pengkaji perolehi tidak dipengaruhi oleh faktor bias. Hasil dapatan yang telah pengkaji perolehi bagi mengenal pasti ciri-ciri dan identiti pekan Tanjong Malim, ke semua responden yang telah pengkaji temu bual memberikan jawapan tentang ciri-ciri yang hampir sama keseluruhannya iaitu imej tradisional Inggeris dan Colonial menjadi identiti di dalam mendefinisikan landskap sedia ada pekan Tanjong Malim. Mengenal pasti ciri-ciri ini adalah pemerhatian dan pendapat secara peribadi responden terhadap soalan yang pengkaji ajukan. Pendapat yang diberikan keluar secara rasional pemikiran dan spontan tanpa mana-mana rujukan.

Ciri-ciri dan identiti landskap sedia ada pekan Tanjong Malim adalah lebih mendekati tradisi Inggeris dari segi binaan bangunannya. Walau bagaimanapun, beberapa elemen juga mendekatkan kepada gabungan elemen tradisi Malaysia, contohnya jenis reka bentuk papan tanda, dan elemen pasu.

Inggeris dan Kolonial adalah dua aspek penting yang sering diketengahkan dalam jawapan responden. Ciri-ciri kolonial melambangkan seni bina Amerika yang digabungkan dengan kolonial imej Inggeris menggunakan corak simetri dan praktikal.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa hampir 95% menyatakan bahawa ciri-ciri dan karektor pekan Tanjong Malim merupakan satu pekan lama yang perlu dipelihara nilai sejarahnya. Ini jelas kelihatan melalui imej visual ke atas reka bentuk bangunannya. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berwajib agar merancang dengan teliti dan melaksanakan pembangunan dengan teratur bagi memelihara warisan sejarah tempat tersebut.

Definisi Memori dalam Perkembangan Pembangunan Bandar Tanjong Malim

Bandar Tanjong Malim mempunyai 73 buah bangunan rumah kedai sebelum perang yang bernilai warisan. Kebanyakannya mempunyai gaya seni bina awal era peralihan yang dibina antara tahun 1900 hingga 1940. Terdapat tiga jenis gaya seni bina bangunan lama di jalan ini, iaitu gaya seni bina awal kolonial, awal rumah kedai dan *eclectic*. Ciri-ciri istimewa bangunan-bangunan sebelum perang di sini adalah ukiran

yang terdapat pada bumbung, tiang, tingkap dan *parapet*. Selain itu, terdapat bangunan di No.31 Jalan Besar dan bangunan di No. 30 Jalan Chong Ah Peng yang mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu memiliki serambi di tepi dinding bangunannya. Bangunan yang bercirikan sedemikian hanya terdapat di beberapa buah bandar sahaja dan jarang ditemui. Jika adapun, ianya telah diubah suai mengikut keperluan seni bina moden.

Bangunan rumah kedai sebelum perang di Jalan Besar terutamanya memainkan peranan penting dalam pembentukan imej Bandar di Tanjung Malim. Selain daripada reka bentuk seni bina yang unggul penyusunan dan perletakkan bangunan lama di sepanjang Jalan Besar yang melengkung telah memberikan suatu sudut lihatan yang istimewa terutamanya dari arah Ulu Bernam. Penonjolan bangunan-bangunan di antara daun pohon yang rendang memberikan kesan yang menarik, menyingkap lihatan sedikit demi sedikit kepada bandar tersebut semasa seseorang menghampiri lengkuk di jalan utama masuk ke bandar ini.

Penjenisan Rumah-Rumah Kedai yang Terdapat di Negara Ini

Corak perbezaan ini jelas kelihatan pada rumah-rumah kedai yang terdapat di seluruh negara. Ia melambangkan tahap perkembangan yang boleh diukur bukan sahaja dari sudut kematangan ekonomi bandar, tetapi juga citarasa yang berbeza dari masa ke semasa. Kehalusan seni yang dipamerkan melalui corak reka bentuk bangunan-bangunan menunjukkan cita rasa yang semakin peka terhadap kualiti kesenian dipamerkan. Pada amnya, rumah-rumah kedai sebelum perang boleh diklasifikasikan kepada empat jenis. Ianya terdiri dari awal rumah kedai/rumah bandar (*early shophouse*), rumah-rumah kedai peralihan seni bina, rumah-rumah kedai pada era akhir seni bina, dan jenis *art deco*. Komposisi yang terdapat memberi satu corak rupa bandar yang sangat tinggi nilainya dari sudut estetik.


IMEJ YANG BERSESUAIAN DENGAN PERKEMBANGAN PERBANDARAN DI PEKAN TANJONG MALIM

Gaya Seni Bina Rumah Kedai

a) Rumah kedai awal

Rumah kedai jenis ini mula dibina pada awal tahun 1870-an dan 1880-an. Corak ini masih terdapat di kawasan-kawasan tertentu di Pulau Pinang seperti di Lebuh Chulia, di penghujung *King Street*, *Queen Street* dan *Penang Street*. Jenis asli yang kekal boleh dikenali dengan corak serambi diperbuat dengan kayu dan menjulur di atas “kaki lima” bangunan yang diperkuuhkan dengan tiang alas. Tiang-tiang penyokongnya disusun dengan mudah, jelas dan tidak tersembunyi sementara alang lintangnya tidak mempunyai sebarang kemasan. Alang utamanya yang besar adalah disusun secara individu memanjang selebar permukaan rumah kedai itu sendiri. Setiap batang daripada alang ini disokong oleh sebatang tiang yang besar. Di bahagian atas alang ini terdapat anjung atau *balcony* dan satu bahagian pembukaan yang lebarnya permukaan rumah kedai tersebut tanpa pembahagi tingkap atau

tiang untuk membezakan tingkap-tingkap yang berasingan. Sebaliknya bahagian ini mempunyai penutup jendela atau *shutter* yang ringkas atau berlapis (*louvred*) diikatkan bersendikan kepada bingkai kayu supaya bahagian atas rumah kedai kelihatan tertutup dengan cara sebenarnya.



Gambar 1 Contoh rumah kedai awal

b) Rumah kedai era peralihan (transisi)

Bangunan jenis ini adalah jenis yang dibina di antara tahun 1900-an hingga tahun 1940-an. Gaya ini adalah yang paling lazim terdapat di seluruh negara. Berasaskan definisinya, jenis gaya ini mewakili kesemua bangunan-bangunan rumah kedai yang mempunyai ciri fasa atasnya terbahagi kepada 2 atau 3 bahagian yang dipenuhi oleh tingkap-tingkap berukuran sama yang tersemat di dalam dinding batu berhias. Susunan tingkap adalah dipengaruhi oleh corak perseimbangan *palladian*. Bidai beram yang diperbuat oleh kayu menutup bahagian dedaun tingkap. Fasad bangunan adalah ringkas dan tingkapnya bercorak pelbagai. Tingkap-tingkapnya adalah jenis berbingkai dan mempunyai ambang antara yang pelbagai corak dari segi empat kepada corak separa bulat atau dikenali sebagai tingkap kekipas.


c) Rumah kedai era akhir

Evolusi rumah-rumah kedai di dalam era ini menunjukkan pengaruh yang kuat dari Eropah terhadap fasad bangunan-bangunan ini. Ia memaparkan corak *classicism* yang kuat. Kelebaran rumah-rumah kedai ini masih tidak menjangkau 20 kaki dan bangunan-bangunan mempunyai corak butiran seni bina dari motif *Palladian* dan *renaissance* yang ditiru tanpa pengubahsuaian yang ketara. Bangunan-bangunan ini memperlihatkan dengan jelas tahun pembinaannya di atas ukiran batu atau di atas plaster atau granit. Secara amnya, corak yang menggunakan motif-motif klasik ini, boleh dilihat melalui penekanan ciri-ciri butiran bangunan terhadap pedimen, arca-arca *Venetian*, hiasan dinding, pendakap dan kemasan permukaan seperti *parapet*, rangkaian jerejak terbuka dan tebar layar yang segak. Penggunaan *column* dan *pilaster* serta perhiasan kepada *frieze* dan *pediment* menjadi amat ketara. Hiasan permukaan yang banyak ini menjadikan rumah-rumah kedai jenis ini yang paling bergaya sekali jika dibandingkan dengan bangunan-bangunan sebelum dan selepasnya.


Pengenalan kepada penggunaan gelegar dan konkrit tetulang pada tahun 1925 telah membolehkan bangunan-bangunan rumah kedai ini diubahsuaikan untuk kegunaan pejabat pelbagai tingkat dan membuat fungsi bentuk seni bina

asalnya sebagai rumah dan kedai tidak lagi menjadi aspek guna bangunan utama. Sementara kemerosotan ekonomi dunia melanda pada tahun 1930-an, reka bentuk bangunan-bangunan ini beransur kurang buat seketika itu. Namun, selepas itu bentuk-bentuk moden dari asas corak yang asal masih dibangunkan pada hari ini. Penjenisan terhadap gaya-gaya bangunan-bangunan rumah kedai yang terdapat di negara ini adalah bergantung kepada terjemahan para individu yang melakukan kajian terhadapnya. Kerumitan mengklasifikasikan bangunan-bangunan ini mengikut gayanya hanya terdapat pada kategori bangunan Era Peralihan dan Era Akhir sedangkan bangunan Awal Rumah Kedai adalah jelas dengan sifat-sifatnya yang tersendiri.


Bagi bangunan-bangunan di dalam kategori Era Peralihan dan Era Akhir jenis gaya seni binanya sering dikaitkan dengan nama yang diolahkan dari corak unggul yang dipamerkan oleh bangunan-bangunan ini. Nama-nama ini ialah seperti *Sino-Malay Palladian*, *Neo-Classical* dan *Art Deco*. Sebagai ringkasan kepada gaya seni bina yang berbeza seperti yang disebutkan di atas, kelazimannya para pengkaji akan menamakan sebagai *electic*. Perkataan *electic* bermaksud “tercipta dari pelbagai sumber” dan justeru itu gaya *electic* dimaksudkan kepada bangunan-bangunan yang dibina di Negeri-Negeri Selat yang tercipta hasil dari pelbagai pengaruh. Bangunan-bangunan ini dikenali mengikut gaya-gaya tertentu berdasarkan sifat hakiki luaran dan sifat binaan seperti tingkap bangunan, atap bumbung, *facade*, dinding dan sebagainya.



Rumah Kedai
Era Peralihan



Rumah Kedai
Eclectic



Rumah Kedai
Art Deco

Gambar 2 Contoh seni binaan rumah-rumah kedai

Analisis

Analisis kajian dilakukan berdasarkan interpritasi kod. Data yang diperolehi menerusi pemerhatian secara langsung dan temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) diinterpretasi dan dikodkan mengikut topik. Dapatan dikupas dan dibahagikan mengikut kumpulan yang sama sehingga menapai data tepu. Hasil dapatan daripada analisis tersebut dijadikan sebagai asas dalam merancang dan mereka bentuk elemen warisan yang perlu dikekalkan dalam lakaran pelan pembangunan. Pada masa yang sama, menganalisis untuk penjajaran imej masa lalu dan masa kini telah dijalankan untuk mengenal pasti aspek mengekalkan reka bentuk lama dan reka bentuk baru bagi menjadi identiti pembangunan berterusan, dan akan datang di bandar Tanjong Malim. Analisis tidak hanya memberi tumpuan memberi tumpuan fasad bangunan malahan menjurus kepada unsur-unsur reka bentuk lain seperti papan tanda, laluan pejalan kaki serta pemilihan tumbuhan. Secara tidak langsung ini dapat menterjemahkan definisi memori dalam kajian ini.

Jumpaan

Hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan elemen yang ada dan dikekalkan dalam setiap pembangunan baru di sekitar Tanjong Malim. Keputusan menunjukkan bahawa wujud aspek persamaan fasad rumah kedai di Chong Ah Peng, jalan utama di Tanjong Malim.



Era Peralihan Neo-Classical Dutch-Patrician Art Deco Modern

Gambar 3 Pengaruh seni bina di fasad rumah kedai (Sumber: The Encyclopedia of Malaysian Architecture, 1997)



Gambar 4 Seni bina Dutch-Patrician and Neo-Classical di Tanjung Malim
(Sumber: Pemerhatian secara langsung)



Gambar 5 Reka bentuk barisan kedai dan barisan bangunan lama
(Sumber: Pemerhatian secara langsung)

Persamaan yang jelas adalah reka bentuk jenis *Dutch-Patrician* dan *Neo-Klasik*. Ini jelas menunjukkan kesan sejarah masih kekal dalam semua unsur-unsur reka bentuk bangunan. Ciri-ciri reka bentuk yang unik ini memberikan imej tersendiri kepada kawasan tertentu. Syed ZainolAbidinIdid (1995), menjelaskan bahawa sesebuah bandar adalah bandar yang sempurna untuk mengimbangi tahap pembangunan dengan pemeliharaan kepentingan budaya dan mempunyai ciri-ciri tertentu yang membentuk suatu tempat, maka ia dinilai sebagai indah, menarik dan beridentiti. Keputusan jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri tempat yang menarik dan beridentiti masih wujud tetapi ianya perlahan-lahan menghilang dan perlu dikekalkan demi masa depan bandar Tanjung Malim.

KESIMPULAN

Ciri-ciri dan karektor merupakan suatu aspek yang penting dalam kewujudan sesebuah bandar. Ciri-ciri persekitaran sesebuah bandar itu adalah berkait dengan penghasilan ‘tempat’ alam persekitaran, ruang, identiti mahupun keseluruhan bandar mahupun pekan. Justeru itu, setiap tindakan yang ingin dilakukan ke atas sesebuah bandar itu perlulah dimulai dengan kajian tentang karektornya. Selain itu, dari kajian literatur yang telah dijalankan didapati asas utama dalam membentuk karektor sesebuah bandar itu adalah persekitaran fizikal dan sosialnya sendiri. Terdapat lapan komponen utama yang mempengaruhi karektor persekitaran bandar. Komponen-komponen tersebut adalah skap bandar dan karektor visual, ruang bandar, bangunan, kebudayaan, aktiviti dan penggunaan, aspek semulajadi, sejarah dan warisan dan juga kualiti ‘sensory’.

RUJUKAN

- Ghafar Ahmad. (1994). Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia. Bengkel menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama di Malaysia, 19-22hb. Disember 1994, Perak. Kota Ngah Ibrahim, Taiping.
- Heru Setyawan, “Memori (Ingatan)”, <http://denmasngabeihadiningrat.blogspot.com/2013/06/memori-ingatan.html> dilihat pada 1 Julai 2014.
- Jack L. Nasar and Junmo Kang. (1998). *House style preference and meanings across taste cultures*. USA, The Ohio State University, 289 Brown Hall, 190 W. 17th Ave., <http://www.psikologiku.com/pengertian-memori-dalam-psikologi> Dilihat pada 30 Jun 2014
- Madanipour (1997), *Design of Urban Space-An Inquiry Into a Socio-Spatial Process*. UK: University of Newcastle. H.97-99 Ruslinda Karya. (2007). *Penyesuaigunaan semula rumah warisan tradisional Melayu rumah Tok Su di Kampung Warisan, Alor Star*. Jitra, Kedah: Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah.
- Manley, S. and R. Guise, *Conservation in Built Environment, in Introduction to Urban Design*, C. Greed and M. Roberts, Editors. (1998). Addison Wesley Longman Limited: England.
- Norberg-Schulz C. (1980). *Architecture: Meaning and place*. New York: Rizzoli International Publications.
- Porter. De Bobbi & Hernacki. (2001). *Quantum learning: Membiasakan belajar nyaman dan menyenangkan*. Kaifa: Bandung.
- Walgit, Bimo. (2004). *Pengantar psikologi umum*. Yogyakarta: Penerbit ANDI.